

Al-Quran

Kitab Panduan Sepanjang Hayat

■ **Ahmad Akram Mahmad Robbi**

Pensyarah di Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains
Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia

Umat Islam sekali lagi menantikan ketibaan Ramadan yang mulia untuk diraikan bersama-sama. Berbicara tentang Ramadan, sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan kejadian luar biasa yang tercatat dalam lembaran sejarah Islam, iaitu sejarah penurunan al-Quran dan perihal kitab ini yang menjadi pedoman buat umat sejagat sama ada mereka yang berada di Timur atau di Barat.

Menurut Syeikh Ali al-Sabuni, kitab al-Quran difahami sebagai kalamullah yang mempunyai mukjizat yang diturunkan kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s. secara mutawatir, tertulis pada mushaf, bermula dengan *Surah al-Fatihah* dan berakhir dengan *Surah al-Nas*. Sesiapa yang membacanya dikira sebagai ibadat kepada Allah SWT. Berdasarkan definisi ini, kita dapat melihat perbezaan status al-Quran berbanding dengan tulisan lain yang sampai ke tangan kita. Dalam buku *The Reconstruction of Religious*

Thought in Islam, Muhammad Iqbal menyebutkan status al-Quran sebagai rujukan undang-undang manusia yang tertinggi dengan menyifatkannya sebagai dustur utama buat umat Islam. Kenyataan ini memperlihatkan kedudukan al-Quran sebagai rujukan asas dan paling utama untuk manusia kembali kepada ajaran yang sebenar agar ketamadunan manusia terus terpelihara.

Sejarah penurunan al-Quran

Melihat sejarah penurunan al-Quran, para sarjana Islam membahagikan fasa penurunan

kitab ini kepada dua bahagian. Pada fasa pertama, al-Quran diturunkan secara sekali gus ke langit dunia pada tanggal 17 Ramadan. Peristiwa tersebut sebagaimana yang dicatatkan dalam *Surah al-Qadr* ayat 1 bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada lailatulqadar."

Imam al-Baihaqi menerusi kitabnya, *Dalail al-Nubuwwah* menukilkan riwayat Abdullah bin Abbas r.a. yang mentafsirkan ayat tersebut sebagai dalil kitab al-Quran diturunkan serentak



ke langit dunia oleh Allah SWT. Selain itu, bukti al-Quran diturunkan secara sekali gus pada bulan Ramadan tertulis dalam *Surah al-Baqarah* ayat 185. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah dia berpuasa pada bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah dia berbuka, kemudian

wajiblah dia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu mencukupkan

bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

Pada fasa kedua pula, al-Quran diturunkan secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad SAW mengikut situasi atau keadaan tertentu. Perkara ini bersandarkan firman Allah SWT dalam *Surah al-Isra'* ayat 82 yang bermaksud, “Dan Kami

turunkan dengan beransur-ansur daripada al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

Menurut pakar bahasa, Imam al-Azhari, perkataan *nazzala* (Kami turunkan) dalam ayat tersebut merujuk penurunan ayat al-Quran mengikut kadarnya yang tertentu (secara beransur-ansur). Oleh hal yang demikian, rumusan yang boleh dibuat ialah Ramadan merupakan bulan turunnya al-Quran ke langit dunia sebelum Malaikat Jibril a.s. menyampaikannya secara beransur-ansur kepada

Rasulullah SAW mengikut kesesuaian situasi tertentu.

Penurunan al-Quran secara berperingkat amat signifikan dengan fitrah manusiawi yang memerlukan bimbingan secara berperingkat dan berterusan. Imam al-Baihaqi menyebutkan bahawa antara hikmah al-Quran diturunkan secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad SAW termasuklah untuk menetapkan hati Baginda. Perkara ini seperti yang dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan orang yang kafir berkata: ‘Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekali gus)?’ Al-Quran diturunkan dengan cara (beransur-ansur) itu kerana Kami hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu per satu.” (*Surah al-Furqan* 25:32).

Ayat al-Quran sentiasa memberikan motivasi kepada Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang dalam keadaan lelah berdakwah kepada kaum musyrikin yang keras kepala. Persamaan situasi ini dengan peristiwa yang pernah dilalui oleh para anbia

Kitab al-Quran merupakan petunjuk yang memandu manusia untuk membentuk sebuah tamadun yang seimbang dari aspek keduniaan, akhlak dan kehidupan di akhirat.



Anak-anak perlu dididik dengan al-Quran sejak kecil.

terdahulu memerlukan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat mendapatkan inspirasi daripada kisah-kisah rasul yang terdahulu. Episod dakwah Nabi Muhammad SAW tidak pernah lekang dengan liku dan kesulitan. Oleh itu, ayat-ayat berkenaan dengan kisah dalam al-Quran yang turun secara berperingkat menguatkan lagi hati Baginda dan para sahabat agar terus istiqamah walaupun kisah dakwah mereka bergilir-gilir antara suka dengan duka dan semangat yang kadangkala naik dan turun.

Selain itu, penurunan al-Quran secara berperingkat juga adalah untuk memudahkan para sahabat beradaptasi dengan hukum baharu dan beramal dengan hukum tertentu. Contohnya, hukum tentang pengharaman arak. Dalam kajian Amir Husin Mohd Nor, beliau berpendapat bahawa prinsip ini digunakan untuk memelihara kepentingan dan kemaslahatan manusia, serta menghindari mereka daripada sebarang kemudaratan dan kerosakan. Agama Islam diturunkan bersama-sama rahmat dan ihsan terhadap umatnya. Agama Islam memahami batas umatnya dan tidak memberikan tekanan terhadap umatnya yang berusaha untuk beramal dengan tuntutan agama.

Al-Quran rujukan sepanjang zaman

Antara perkara yang menjadikan al-Quran sebagai rujukan sepanjang zaman termasuklah pesannya yang menyentuh perilaku manusia yang ada pada setiap zaman. Sekalipun generasi demi generasi yang lahir memiliki perbezaan latar belakang, namun sikap manusia itu masih tetap sama. Demikianlah para sarjana menyimpulkan bahawa untuk memahami al-Quran, *ibrahnya* diambil melalui lafaz al-Quran yang bersifat umum dan tidak hanya berfokus kepada sebab penurunan ayat semata-mata. Sekiranya begitu, nilai dan pesanan al-Quran akan dilihat sempit dan terhad kepada umat terdahulu.

Sifat al-Quran bukan begitu kerana pesanan al-Quran bersifat universal. Oleh sebab itu, al-Quran tidak memberikan fokus kepada nama tokoh tertentu, atau lokasi tertentu, atau tarikh tertentu melainkan hanya sedikit. Beberapa kali dalam al-Quran disebutkan kisah Firaun dan Nabi Musa a.s. Begitu juga al-Quran merakamkan kisah Abu Lahab dan isterinya yang mencela Nabi Muhammad SAW. Bukankah watak-watak antagonis ini telah pun mati meninggalkan kita? Apakah kepentingan untuk kita mengetahui kisah-kisah mereka?

Jika al-Quran dinilai sebagai kitab panduan, kita akan dapati sekalipun watak-watak ini telah meninggalkan kita ribuan tahun usianya, namun sifat mereka yang perlu diberikan perhatian. Keangkuhan Firaun sebagai manusia menyebabkan dirinya melampaui maksud kehambaan apabila dia dengan angkuhnya mengaku sebagai Tuhan. Kisah Firaun mengingatkan kita bahawa manusia boleh diuji dengan kemewahan, malah sekiranya dia mahu, dunia pun boleh dikuasainya. Namun begitu, kisah Firaun mengingatkan kita kembali bahawa Firaun yang telah jauh sesat disebabkan oleh perasaan mewahnya itu, pada akhirnya ingin kembali beriman kepada Allah SWT.

Begitu juga Abu Lahab dan isterinya. Biarpun jasad mereka telah dimakan bumi untuk ribuan tahun lamanya, sifat Abu Lahab dan isterinya wajar diberikan perhatian agar kita berhati-hati dalam setiap ucapan dan tindakan supaya tidak kufur terhadap ajaran Islam. Lebih dahsyat lagi, menerusi *Surah al-Masad*, Abu Lahab dan isterinya sewaktu hayat mereka telah pun tahu di mana tempat akan didiami mereka di akhirat nanti. *Surah al-Masad* bukan hanya untuk mereka berdua. Surah ini pada hakikatnya untuk kita renungi agar tidak mengikut

jalan yang sama sementara Tuhan masih rezekekkan kita hidup di dunia.

Menerusi ayat-ayat hukum, al-Quran membawa satu gagasan besar untuk mendidik hati manusia agar menjadi hamba yang taat melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan-Nya. Firman Allah SWT dalam *Surah al-Nisa'* ayat 65 yang bermaksud, "Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul antara mereka, kemudian mereka pula tidak berasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa-apa yang telah engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya."

Implikasi ayat tersebut, kita dapat lihat sesetengah ayat hukum dalam al-Quran ada yang diakhiri dengan didikan atau penerapan nilai tertentu. Sebagai contoh, dalam ayat kewajipan puasa, al-Quran menutup ayat kewajipan tersebut dengan nilai takwa. Hal ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan kepada orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

Seorang tokoh tafsir pada era tabi'in, Muhammad bin Sirin menyatakan bahawa lafaz *la'alla* bermaksud janji Allah SWT yang pasti akan ditunaikan. Oleh itu, dalam sibuk beramal dengan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SWT, pembentukan nilai murni seperti

takwa turut sama digarap. Oleh hal yang demikian, Nabi Muhammad SAW amat menganjurkan umat Baginda menghidupkan Ramadan dengan mempersiapkan diri untuk beribadat dan meninggalkan hal yang sia-sia. Begitulah Rasulullah SAW mendemonstrasikan cara membangunkan nilai takwa pada bulan Ramadan.

Kitab al-Quran juga berperanan untuk merawat hati orang yang berduka. Al-Quran memahami bahasa emosi manusia. Fitrah manusia mengalami fasa gembira, sedih, marah, putus asa dan seumpamanya dalam hidup mereka. Tanpa kita sedar, sebahagian daripada ayat al-Quran memberikan respons terhadap emosi manusia. Sebagai contoh, Nabi Muhammad SAW berasa teramat sedih kerana ejekan kaum musyrikin setelah Baginda kehilangan anak lelaki. Menjadi resmi kabilah Arab, anak lelaki diangkat sebagai pewaris yang akan mengangkat nama keluarga. Oleh itu, kehilangan anak lelaki bermakna Baginda kehilangan pewaris menurut kepercayaan masyarakat Arab sehingga Baginda telah diejek dengan panggilan *al-abtar*, iaitu terputus legasi.

Sebagai respons kepada emosi Baginda yang terlalu sedih, Allah SWT menurunkan *Surah al-Kauthar* sebagai penjelasan bahawa Baginda tidak pernah akan hilang legasi. Menurut sebahagian daripada ahli tafsir, legasi Baginda diteruskan oleh para pengikut Baginda SAW yang tidak akan berhenti menyampaikan dakwah

ke seluruh alam. Sebaliknya, golongan yang terputus legasi ialah musyrikin Mekah apabila pada akhirnya Allah SWT mengalahkan mereka dalam kebanyakan siri peperangan, seterusnya dunia menyaksikan kaum musyrikin beramai-ramai menganut agama Islam sewaktu peristiwa Fath al-Makkah sehingga tiada lagi sisa jahiliah yang tinggal. Walaupun hingga hari ini usaha memadamkan cahaya agama Islam masih giat dijalankan, agama Islam masih tetap terus berkembang dengan pesat dan terus diterima oleh masyarakat di seluruh dunia.

Oleh hal yang demikian, tidak seharusnya al-Quran dilihat dari perspektif yang sangat sempit sebagaimana sebahagian pihak yang hanya meletakkan al-Quran sebagai kitab nukilan kisah orang terdahulu atau sekadar membawa perbincangan hukum. Sebaliknya, al-Quran perlu dirasai lebih daripada itu sehingga penyair Arab pun amat mengagumi keabsahan bahasa al-Quran. Kitab ini merupakan petunjuk yang memandu manusia untuk membentuk sebuah tamadun yang seimbang dari aspek keduniaan, akhlak dan kehidupan di akhirat. Maka itu, sebagai umat Islam, menelaah al-Quran dan inti patinya menjadi satu keperluan agar usaha membina ketamadunan tidak tergelincir dibawa arus keinginan dan hawa nafsu yang tidak diketahui batasnya. Menerusi ayat-ayat hukum, kisah al-Quran, khabar tentang perkara ghaib dan ayat keimanan kepada Allah SWT, kitab al-Quran terus menjadi pedoman buat umat sepanjang hayat mereka. 🌟